

27 FEB 2001

Najib-Kedaulatan

MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN PERLUKAN PENDEKATAN INOVATIF - NAJIB

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata dunia hari ini perlu mengakui bahawa mempertahankan kedaulatan kini memerlukan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif.

Ini, kata beliau, kerana ancaman kedaulatan sekarang bukan seperti apa yang kita jangkakan.

"Nampaknya pada saya, kita tidak perlu lagi berjuang di pantai-pantai, lapangan terbang, di padang-padang, di jalan-jalan raya atau di bukit.

"Dengan pendekatan globalisasi, kita mungkin cuma perlu menyiapkan diri mempertahankan kedaulatan di atas meja, tentunya dengan menggunakan kuasa minda dan pengetahuan yang tinggi serta keberanian dari segi moral," kata beliau pada ucapan khas "Mempertahankan Kedaulatan Kebangsaan" pada majlis makan tengah hari sempena Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi di sini hari ini.

Beliau berkata cabaran terbesar yang dihadapi negara-negara hari ini ialah untuk mengatasi kuasa-kuasa globalisasi yang tersembunyi.

"Mungkin yang mengecewakan ialah bentuk ancaman itu tidak dapat dikenal pasti, samar-samar dan tanpa bentuk, dan juga tersembunyi. Bukan kita sahaja yang menghadapi ancaman ini, tetapi "perpaduan dalam menghadapi ancaman ini" kini menjadi begitu kritikal," katabeliau.

Najib juga berkata bercakap mengenai mempertahankan kedaulatan dalam konteks globalisasi, seorang itu tidak mempunyai pilihan, tetapi cuba mengatasinya dengan pertahanan bentuk ketenteraan.

Beliau berkata hari ini, kedaulatan kebangsaan telah dicabar dan ia berlaku secara diam-diam.

Institusi-institusi multi-nasional kini menjadi lebih berkuasa hingga lebih berkuasa daripada negara yang berdaulat, kata beliau dan menambah, sebahagian daripada institusi itu mempunyai belanjawan yang besar daripada kebanyakan negara lain.

Dengan lain-lain perkataan, kata beliau, negara-negara tersebut semakin hilang kedaulatan mereka dalam membuat atau tidak membuat dasar-dasar dan pilihan dasar mereka menjadi semakin sempit, dan akhirnya negara berkenaan hilang kepupayaan untuk membuat rumusan sendiri.

Najib berkata walaupun Malaysia pernah melihat "permainan ini" oleh kuasa-kuasa besar, kita mengakui bahawa tahap keselamatannya boleh bertambah di peringkat global dengan syarat sebuah negara itu mempunyai hubungan baik dengan kuasa besar.

"Dari tinjauan, kita telah berjaya mengimbangi hubungan dengan mereka yang sentiasa kelihatan berkecuali," katabeliau.

Persidangan dua hari itu yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

-- BERNAMA

NZ AHH ZB